



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***ETIMOLOGI KITAB PENGETAHUAN BAHASA***

**HUSIN BIN FATEH DIN**

**FBMK 2016 64**



## **ETIMOLOGI KITAB PENGETAHUAN BAHASA**

**Oleh**

**HUSIN BIN FATEH DIN**

**Tesis yang Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra  
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Februari 2016**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

## ETIMOLOGI KITAB PENGETAHUAN BAHASA

Oleh

**HUSIN BIN FATEH DIN**

Februari 2016

**Pengerusi : Profesor Madya Adi Yasran b. Abdul Aziz, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Modern dan Komunikasi**

Kajian Etimologi ini menghuraikan sumber kata entri Kitab Pengetahuan Bahasa (KPB) karya Raja Ali Haji (RAH) berdasarkan pendekatan etimologi. Kajian ini bertujuan menganalisis 1677 entri KPB, menghubungkan sistem ejaan Jawi entri KPB dengan etimologi berdasarkan ciri fonetik dan fonologi, menghubungkan makna entri KPB dengan etimologi berdasarkan Analisis Komponen Makna (AKM). Kajian lampau terhadap aspek entri, makna dan fonetik fonologi belum banyak dihubungkan dengan etimologi. Kajian ini dibuat bertitik tolak daripada hujah bahawa edisi karya agung ini amat bernilai sebagai manuskrip pembelajaran bahasa dan warisan peradaban Melayu tetapi manuskrip ini sukar difahami. Berasaskan hujah tersebut, warisan agung ini perlu difahami dan dipelihara. Sejumlah 1677 entri KPB dianalisis berlandaskan konsonan tambahan Jawi Melayu untuk mengenal pasti etimologi. Menerusi ciri fonetik dan fonologi, iaitu menganalisis penggantian *hamzah* (ء) kepada *qaf* (ق), *fa* (ف) kepada *pa* (پ) dan adaptasi *ghain* (غ) dengan *nga* (ڠ), sistem ejaan Jawi entri KPB dihubungkan dengan etimologi. Seterusnya analisis komponen makna melalui perkaitan inklusi, tumpang tindih, komplimentasi dan kontiguiti dibuat untuk menghubungkan makna entri KPB dengan etimologi. Data dikumpul melalui kaedah kepustakaan dengan batasan 1677 entri KPB dan berlandaskan Daftar Kata Bahasa Melayu/DKBM (2016). Data 1677 entri KPB tersebut dianalisis menggunakan konsonan tambahan Jawi Melayu, Lima Kamus (5K), dan batu bersurat untuk mengenal pasti etimologi asli Melayu entri KPB. Dapatan kajian menunjukkan etimologi 946 entri KPB ialah asli Melayu. Dapatan 946 entri KPB asli Melayu ini diperkukuh dengan analisis ciri fonetik fonologi dan AKM untuk dihubungkan dengan etimologi Melayu. Terdapat banyak entri KPB yang mengalami perubahan seperti peluasan makna, penyempitan makna dan kepupusan. Refleksi kepada dapatan kajian ini, pengguna bahasa dapat mengenal pasti etimologi entri, meluaskan bidang ilmu etimologi dan memelihara edisi karya agung ini agar terus bernilai dan tidak pupus. Selain itu hasil kajian ini membawa implikasi kepada pejuang bahasa, penggubal kamus, kepimpinan organisasi agar dapat mengapresiasi etimologi entri KPB. Seterusnya kajian lanjut berkaitan kata serapan KPB, kaedah kajian, dasar DBP, dan makna dicadangkan.

Kata Kunci: Etimologi, Kitab Pengetahuan Bahasa, sistem ejaan Jawi, ciri fonetik dan makna.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

## **ETYMOLOGY OF KITAB PENGETAHUAN BAHASA**

By

**HUSIN BIN FATEH DIN**

**February 2016**

**Chairman : Associate Professor Adi Yasran b. Abdul Aziz, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study describes the origin of word entries in the Kitab Pengetahuan Bahasa (KPB) by Raja Ali Haji (RAH) based on etymology approach. This study aimed to analyse the 1677 KPB entries, by associating entries of Jawi spelling system in KPB, correlating entries of Jawi in KPB etymological meaning of the entries through Connotation Component Analysis (AKM). Past studies on aspects of entry, meaning and phonetic phonology not many can be associated with the etymology. This study emerged from the argument that the great masterpiece is a valuable manuscript of language learning and heritage of the Malay civilization is not easy to be understood. Based on these arguments, the legacy of this great master piece needs to be understood and maintained. A total of 1677 KPB entries were analysed based on additional consonant Malay Jawi to identify its etymology. Further analysis of the components of meaning through a relationship of inclusion, overlapping, complementation and contiguity is arranged to associate the etymological meaning of KPB entries. Data was collected through literature review with reference of 1677 KPB entries and based on the Daftar Kata Bahasa Melayu/DKBM(2016). 1677 data from KPB entries were analysed using additional consonant Malay Jawi, Five Dictionaries (5K), and inscription stone to identify the origin etymology Malay KPB entries. The findings show that the etymology of the 946 KPB entries is purely Malay. The findings of the original 946 entries KPB Malay is reinforced by the analysis of phonological and phonetic features linked to the AKM in Malay etymology. There are many entries KPB undergoing changes such as the extension of meaning, narrowed the meaning and vanished. Reflection on these findings, the user can identify the language etymology entry, expand the field of etymology and maintain the great edition of masterpiece to be worth and preserved. In addition, the results of this study have implications towards language movement, dictionary producers, organization leadership in order to appreciate the etymology of KPB entries. There are more studies concerning the absorption of KPB, research methods, DBP principles, and meaning suggested.

**Keywords:** Etymology, Kitab Pengetahuan Bahasa, Jawi spelling system, the phonetic and meaning.

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Yang Maha Esa dengan limpah dan kurniaNya telah dianugerahkan kekuatan hingga hujung kajian ini. Pada kesempatan ini ingin saya kalungkan sedalam-dalam ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Adi Yasran Bin Abdul Aziz selaku penyelia yang terlalu banyak berkongsi kepakaran, pandangan dalam tempoh memberi bimbingan untuk menyempurnakan tesis ini. Komitmen, kesabaran, dorongan dan motivasi yang diberikan secara berterusan, terlalu banyak menyumbang kepada kejayaan kajian ini. Sesungguhnya pengalaman bersama beliau sangat tinggi nilainya.

Sedalam-dalam ucapan terima kasih juga saya panjangkan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran khususnya di peringkat Ijazah Tinggi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, yang diterajui oleh Dekan Fakulti, Prof. Madya Dr. Zamri @ Mua'ti Bin Ahmad, Pensyarah-Pensyarah dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi khususnya kepada Prof. Madya Dr. Adi Yasran Bin Abdul Aziz sebagai Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Prof. Dr. Hashim Bin Hj. Musa dan Dr. Muhd. Zulkifli Bin Ismail atas nasihat serta pandangan yang konstruktif dalam memantapkan tesis ini.

Warga Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI) terutama Pn. Hjh. Nik Samihah bt. N. Mohamad Maidin (Pengaroh) Dr. Naza, Dr. Saayah, Haris, As, Nazri (KU) dan Salam yang banyak membantu sumber akademik, motivasi, galakan dan ilham inspirasi serta semua rakan yang membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Sesungguhnya doa, sokongan dan harapan kalian merupakan inspirasi yang amat bernilai dalam membawa perjalanan kajian ini sampai ke penghujungnya.

Marlia isteriku, enam tunas kasih kami Atis, Idil, Ajal, Zariq, Hasif dan Syaza, serta menantu-menantu Adham, Naimah, Amalina dan Dyana. Tidak ketinggalan cucu-cucu Aufa, Dafa, Islam dan Orkid tiada kata-kata yang mampu diucapkan kerana sokongan, pengorbanan dan doa kalian selama ini. Kepada arwah ayahanda dan arwah bonda, bingkisan Fatimah anakanda kirimkan. Walaupun tidak sempat melihat kejayaan ini, alhamdulillah impian dan harapan ayahanda bonda tertunai sudah. Terima kasih yang penuh dengan kasih dan rindu kerana mendewasakan sehingga berada dalam keadaan yang cukup sempurna dan selesa. Semoga dicucuri rahmat serta ditempatkan bersama golongan orang yang beriman. Amin.

Husin Fateh Din

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 18 Februari 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Husin bin Fateh Din bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Etimologi Kitab Pengetahuan Bahasa” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Che Ibrahim b Salleh, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mohammad Fadzeli Jaafar, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Julai 2016



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyerahan adalah seperti berikut:

**Adi Yasran Bin Abdul Aziz, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hashim Bin Hj. Musa, PhD**

Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli Jawatankuasa)

**Muhd Zulkifli Bin Ismail, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli Jawatankuasa)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Husin bin Fateh Din, GS29233

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Adi Yasran Bin Abdul Aziz

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Profesor Dr. Hashim Bin Hj. Musa

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Muhd Zulkifli Bin Ismail

## JADUAL KANDUNGAN

|                          | <b>Halaman</b> |
|--------------------------|----------------|
| <b>ABSTRAK</b>           | i              |
| <b>ABSTRACT</b>          | iii            |
| <b>PENGHARGAAN</b>       | iv             |
| <b>PENGESAHAN</b>        | v              |
| <b>PERAKUAN</b>          | vii            |
| <b>SENARAI JADUAL</b>    | xii            |
| <b>SENARAI RAJAH</b>     | xiv            |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> | xv             |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>  | xvi            |
| <br>                     |                |
| <b>BAB</b>               |                |
| <b>1</b>                 |                |
| <b>PENGENALAN</b>        | 1              |
| 1.1                      | 1              |
| 1.2                      | 1              |
| 1.3                      | 2              |
| 1.4                      | 4              |
| 1.5                      | 5              |
| 1.6                      | 6              |
| 1.7                      | 7              |
| 1.8                      | 8              |
| 1.8.1                    | 8              |
| 1.8.2                    | 9              |
| 1.8.3                    | 9              |
| 1.8.4                    | 9              |
| 1.8.5                    | 9              |
| 1.9                      | 10             |
| <br>                     |                |
| <b>2</b>                 |                |
| <b>SOROTAN KAJIAN</b>    | 11             |
| 2.1                      | 11             |
| 2.1.1                    | 11             |
| 2.1.2                    | 14             |
| 2.1.3                    | 16             |
| 2.2                      | 17             |
| 2.2.1                    | 17             |
| 2.2.2                    | 18             |
| 2.2.3                    | 18             |
| 2.2.4                    | 18             |
| 2.3                      | 19             |
| 2.3.1                    | 19             |
| 2.3.2                    | 19             |
| 2.3.3                    | 21             |
| 2.3.4                    | 22             |
| 2.4                      | 22             |
| 2.4.1                    | 22             |
| 2.4.2                    | 23             |
| 2.4.3                    | 23             |
| 2.4.4                    | 24             |

|          |         |                                                 |           |
|----------|---------|-------------------------------------------------|-----------|
|          | 2.4.5   | Faktor Perubahan Makna                          | 24        |
|          | 2.4.6   | Kepupusan Kosa Kata                             | 26        |
| 2.5      |         | Kaitan Sorotan Kajian dengan Pernyataan Masalah | 26        |
|          | 2.5.1   | Kajian Sumber Entri                             | 26        |
|          | 2.5.2   | Kajian Ejaan Jawi                               | 27        |
|          | 2.5.3   | Kajian Fonetik dan Fonologi                     | 27        |
|          | 2.5.4   | Kajian Makna                                    | 30        |
| 2.6      |         | Kesimpulan                                      | 31        |
| <b>3</b> |         | <b>METODOLOGI KAJIAN</b>                        | <b>33</b> |
| 3.1      |         | Pendahuluan                                     | 33        |
| 3.2      |         | Pengumpulan Data                                | 34        |
|          | 3.2.1   | Bahan Kajian                                    | 35        |
|          | 3.2.1.1 | Kitab Pengetahuan Bahasa (KPB)                  | 35        |
|          | 3.2.1.2 | Raja Ali Haji (RAH)                             | 40        |
|          | 3.2.2   | Kepustakaan                                     | 42        |
|          | 3.2.2.1 | Lima Kamus (5K)                                 | 42        |
|          | 3.2.2.2 | Batu Bersurat                                   | 42        |
| 3.3      |         | Kerangka Teori                                  | 42        |
|          | 3.3.1   | Pendekatan Etimologi                            | 43        |
|          | 3.3.2   | Pendekatan Fonetik dan Fonologi                 | 44        |
|          | 3.3.3   | Pendekatan Analisis Komponen Makna (AKM)        | 48        |
|          | 3.3.4   | Penggunaan Pendekatan                           | 54        |
|          | 3.3.4.1 | Konsonan Tambahan Jawi Melayu                   | 55        |
|          | 3.3.4.2 | Analisis Menggunakan Batu Bersurat              | 57        |
|          | 3.3.4.3 | Ciri Fonetik                                    | 58        |
| 3.4      |         | Kaedah Analisis                                 | 60        |
|          | 3.4.1   | Kajian Teks                                     | 60        |
|          | 3.4.2   | Kajian Konteks                                  | 61        |
|          | 3.4.3   | Kaedah Transliterasi                            | 61        |
| 3.5      |         | Prosedur Kajian                                 | 62        |
|          | 3.5.1   | Proses Menginterpretasikan Makna                | 62        |
|          | 3.5.2   | Interpretasi Terhadap KPB                       | 63        |
| 3.6      |         | Kesimpulan                                      | 67        |
| <b>4</b> |         | <b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>                 | <b>69</b> |
| 4.1      |         | Pendahuluan                                     | 69        |
| 4.2      |         | Sumber Entri KPB Berdasarkan Etimologi          | 69        |
|          | 4.2.1   | Konsonan Tambahan Jawi Melayu                   | 69        |
|          | 4.2.2   | Lima Kamus (5K)                                 | 70        |
|          | 4.2.3   | Batu Bersurat                                   | 83        |
| 4.3      |         | Analisis Etimologi Entri                        | 86        |
| 4.4      |         | Rumusan Mengenal Pasti Sumber Entri             | 91        |
| 4.5      |         | Ciri Fonetik Entri                              | 92        |
| 4.6      |         | Analisis Komponen Makna (AKM)                   | 104       |
|          | 4.6.1   | Kekeliruan Makna Entri                          | 104       |
|          | 4.6.2   | Perkaitan Inklusi                               | 106       |
|          | 4.6.3   | Perkaitan Tumpang Tindih                        | 120       |
|          | 4.6.4   | Perkaitan Komplimentasi                         | 123       |
|          | 4.6.5   | Perkaitan Kontiguiti                            | 127       |
| 4.7      |         | Perubahan Makna                                 | 130       |

|          |                                      |            |
|----------|--------------------------------------|------------|
| 4.7.1    | Perubahan Makna Dalam Entri KPB      | 131        |
| 4.7.2    | Peluasan Makna Entri KPB             | 134        |
| 4.7.3    | Penyempitan Makna Entri KPB          | 136        |
| 4.7.4    | Penyempitan dan Peluasan             | 136        |
| 4.7.5    | Kepupusan Entri                      | 139        |
| 4.7.6    | Idiomatik                            | 140        |
| 4.7.7    | Entri Serapan                        | 140        |
| 4.7.8    | Kesimpulan AKM                       | 141        |
| 4.8      | Implikasi Kajian                     | 142        |
| 4.8.1    | Implikasi Terhadap Ahli Bahasa       | 142        |
| 4.8.2    | Implikasi Terhadap Disiplin Kamus    | 142        |
| 4.8.3    | Implikasi Terhadap Pendekatan        | 143        |
| 4.8.4    | Implikasi Terhadap Penggubalan Kamus | 143        |
| 4.8.5    | Implikasi Terhadap Apresiasi Kamus   | 144        |
| 4.9      | Kesimpulan                           | 144        |
| <b>5</b> | <b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>          | <b>146</b> |
| 5.1      | Pengenalan                           | 146        |
| 5.2      | Rumusan                              | 146        |
| 5.3      | Cadangan                             | 150        |
| 5.3.1    | Kajian Entri Kata Serapan KPB        | 151        |
| 5.3.2    | Kaedah Kajian                        | 151        |
| 5.3.3    | Rakaman Sebutan Entri                | 151        |
| 5.3.4    | Dewan Bahasa dan Pustaka             | 151        |
| 5.3.5    | Makna dan Ejaan                      | 152        |
| 5.4      | Kesimpulan                           | 152        |
|          | <b>BIBLIOGRAFI</b>                   | <b>154</b> |
|          | <b>LAMPIRAN</b>                      | <b>165</b> |
|          | <b>BIODATA PELAJAR</b>               | <b>246</b> |
|          | <b>SENARAI PENERBITAN</b>            | <b>248</b> |

## SENARAI JADUAL

| <b>Jadual</b> |                                                                                                | <b>Halaman</b> |
|---------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| 2.1           | Jumlah Entri KPB                                                                               | 13             |
| 2.2           | Konsonan Asli dan Serapan Bahasa Melayu                                                        | 20             |
| 2.3           | Bentuk Konsonan Serapan Bahasa Melayu                                                          | 20             |
| 3.1           | Entri Bukan Asli Arab KPB Bermula Abjad nya (ﻥ)                                                | 34             |
| 3.2           | Entri Bukan Asli Arab KPB Bermula Abjad ca (ﻉ)                                                 | 34             |
| 3.3           | Huruf Jawi Dalam DKBM                                                                          | 54             |
| 3.4           | Aksara Arab Dalam DKBM                                                                         | 55             |
| 3.5           | Entri Bukan Asli Arab KPB Bermula Huruf alif (ا)                                               | 56             |
| 3.6           | Entri Bukan Asli Arab KPB Bermula Huruf ba (ب)                                                 | 56             |
| 3.7           | Entri Bukan Asli Arab KPB Bermula Huruf ta (ت)                                                 | 56             |
| 3.8           | Entri Bukan Asli Arab KPB Bermula Huruf jim (ج)                                                | 57             |
| 3.9           | Perbezaan Makna Seluruh (Kekeliruan Makna)                                                     | 63             |
| 3.10          | Entri KPB yang Sukar Difahami (Kekeliruan Makna)                                               | 65             |
| 4.1           | Analisis Kedua Entri KPB Asli Melayu Bermula Huruf ca (ﻉ)                                      | 72             |
| 4.2           | Sebahagian Entri KPB Asli Melayu Bermula ca (ﻉ)                                                | 73             |
| 4.3           | Analisis 12 Entri KPB Bermula Huruf nya (ﻥ)                                                    | 75             |
| 4.4           | Entri KPB, Asli Melayu Bermula Huruf ca (ﻉ) dan nya (ﻥ)                                        | 76             |
| 4.5           | Peratusan Kata Asli Melayu, Sanskrit dan Arab Dalam 5K                                         | 77             |
| 4.6           | Perincian Entri dan Peratus Dalam BKKM                                                         | 78             |
| 4.7           | Perincian Entri dan Peratus Dalam Malay-English                                                | 78             |
| 4.8           | Perincian Entri dan Peratus Dalam Kamus Loan                                                   | 79             |
| 4.9           | Perincian Entri dan Peratus Dalam KDE4                                                         | 80             |
| 4.10          | Perincian Entri dan Peratus Dalam KPB (1858)                                                   | 81             |
| 4.11          | Entri KPB, Asli Melayu dalam Batu bersurat                                                     | 83             |
| 4.12          | Pecahan 1457 Entri KPB                                                                         | 84             |
| 4.13          | Kelompok Sumber Entri Berdasarkan Lima Kamus                                                   | 85             |
| 4.14          | Jumlah Entri Melayu                                                                            | 86             |
| 4.15          | Etimologi Entri KPB, Mengikut Huruf alif (ا) dalam 5K                                          | 87             |
| 4.16          | Etimologi Entri KPB Mengikut Huruf ba (ب) dalam 5K                                             | 87             |
| 4.17          | Etimologi Entri KPB, Mengikut Huruf ta (ت) dalam 5K                                            | 88             |
| 4.18          | Etimologi Entri KPB, Mengikut Huruf jim (ج) dalam 5K                                           | 88             |
| 4.19          | Entri KPB (1858), Asli Melayu-alif (ا), ba (ب), ta (ت), dan jim (ج)                            | 88             |
| 4.20          | Entri Asli Melayu alif (ا), ba (ب), ta (ت), dan jim (ج)                                        | 89             |
| 4.21          | Analisis Entri Asli Melayu 5K (220 entri)                                                      | 90             |
| 4.22          | Rumusan Objektif                                                                               | 92             |
| 4.23          | Entri KPB, Asli Melayu Bermula ta (ت) Berakhir hamzah (ة)                                      | 94             |
| 4.24          | Entri yang bermula alif (ا) berakhir hamzah (ة)                                                | 94             |
| 4.25          | Entri Yang Berakhir Hamzah (ة) dan Huruf qaf (ق) bermula alif (ا), ba (ب), ta (ت), dan jim (ج) | 97             |
| 4.26          | Entri KPB asli Melayu yang berakhir dengan huruf fa (ف)                                        | 98             |
| 4.27          | Perubahan huruf fa (ف) kepada huruf pa (پ)                                                     | 99             |
| 4.28          | Perbezaan Ejaan Jawi KPB dan DKBM                                                              | 100            |
| 4.29          | Perubahan Vokal                                                                                | 101            |
| 4.30          | Peniruan Bentuk Konsonan Tambahan Jawi Melayu                                                  | 102            |
| 4.31          | Kekeliruan Makna Entri                                                                         | 105            |
| 4.32          | Perkaitan Komplimentasi                                                                        | 123            |

|      |                                                       |     |
|------|-------------------------------------------------------|-----|
| 4.33 | Entri yang Mengalami Peluasan                         | 135 |
| 4.34 | Entri yang Mengalami Penyempitan dan Peluasan         | 138 |
| 4.35 | Senarai Entri Serapan                                 | 140 |
| 4.36 | Empat Cara Asas                                       | 141 |
| 5.1  | Rumusan Dapatan Aspek Etimologi Yang Telah Dianalisis | 150 |





## SENARAI RAJAH

| Rajah |                                                   | Halaman |
|-------|---------------------------------------------------|---------|
| 1.1   | Kerangka Konsep                                   | 5       |
| 2.1   | Kedudukan Vokal                                   | 21      |
| 2.2   | Bentuk Artikulator Vokal                          | 21      |
| 3.1   | Cara Mencapai Objektif Ketiga                     | 49      |
| 3.2   | Cara Mencapai Objektif Pertama                    | 58      |
| 3.3   | Cara Mencapai Objektif Kedua                      | 60      |
| 3.4   | Carta Pai Rumusan                                 | 67      |
| 4.1   | Rumusan Analisis <i>ca</i> (ㄝ) dan <i>nya</i> (ㄛ) | 77      |
| 4.2   | Analisis BKKM                                     | 78      |
| 4.3   | Analisis <i>Malay-English</i>                     | 79      |
| 4.4   | Analisis Kamus <i>Loan Words</i>                  | 80      |
| 4.5   | Analisis KDE4                                     | 81      |
| 4.6   | Jumlah Entri Asli Melayu dalam 5K                 | 91      |
| 4.7   | Medan Makna Entri <i>Cendekia</i>                 | 107     |
| 4.8   | Medan Makna Entri <i>Bangsai</i>                  | 109     |
| 4.9   | Medan Makna Entri <i>Nyanyuk</i>                  | 110     |
| 4.10  | Medan Makna Entri <i>Cebur</i>                    | 111     |
| 4.11  | Medan Makna Entri <i>Capik</i>                    | 113     |
| 4.12  | Medan Makna Entri <i>Nyaman</i>                   | 114     |
| 4.13  | Medan Makna Entri <i>Tuas</i>                     | 115     |
| 4.14  | Medan Makna Entri <i>Caci</i>                     | 116     |
| 4.15  | Medan Makna Entri <i>Ceti</i>                     | 118     |
| 4.16  | Medan Makna Entri <i>Campah</i>                   | 119     |
| 4.17  | Hierarki Entri <i>Nyanyuk</i>                     | 121     |
| 4.18  | Hierarki Entri <i>Cebur</i>                       | 121     |
| 4.19  | Hierarki Entri <i>Campah</i>                      | 122     |
| 4.20  | Peta Buih Berganda Entri <i>Capik</i>             | 125     |
| 4.21  | Peta Buih Berganda Entri <i>Nyaman</i>            | 126     |
| 4.22  | Peta Buih Berganda Entri <i>Tuas</i>              | 127     |

## SENARAI SIMBOL/SINGKATAN

### Simbol

|     |                  |
|-----|------------------|
| [ ] | Kurungan fonetik |
| / / | Kurungan fonem   |
| %   | peratusan        |
| &   | dan              |
| /   | atau             |

### SINGKATAN DAN AKRONIM

|      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| AKM  | Analisis Komponen Makna                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| Bil  | Bilangan                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| BKKM | Buku Katan Kamus Melayu                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| Cth  | contoh                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| DBP  | Dewan Bahasa dan Pustaka                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| dlm. | dalam                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| DKBM | Daftar Kata Bahasa Melayu                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Eng. | English                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| hlm  | Halaman                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| KPB  | Kitab Pengetahuan Bahasa                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| KDE4 | Kamus Dewan Edisi Ke-4/KDE4                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 5K   | Kamus Dewan Edisi Ke-4/KDE4 (Noresah Baharum, 2007), Kamus <i>Loan-Words In Indonesian and Malay/ KLW</i> , (Russell Jones, 2008), Buku Katan Kamus Melayu; BKKM (Md. Said, 2002), <i>Malay-English Dictionary/MED</i> , (Winstedt, 1960), Kitab Pengetahuan Bahasa /KPB. Raja Ali Haji (RAH). |
| RAH  | Raja Ali Haji                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| Spt  | Seperti                                                                                                                                                                                                                                                                                        |

## SENARAI LAMPIRAN

| Lampiran |                                                                                     | Halaman |
|----------|-------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1        | Kulit Buku KPB Tulisan Jawi                                                         | 165     |
| 2        | Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi                                      | 166     |
| 3        | Daftar Kata Bahasa Melayu (2016)                                                    | 167     |
| 4        | Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJD)                                        | 168     |
| 5        | <i>Cha</i> dan <i>nya</i> (ڤ) merujuk 5K                                            | 169     |
| 6        | 12 Entri <i>nya</i> (ڤ) KPB                                                         | 170     |
| 7        | Entri Asli Melayu (220)                                                             | 171     |
| 8        | Etimologi Dalam 5K                                                                  | 176     |
| 9        | Penggantian <i>hamzah</i> (ء) kepada <i>qaf</i> (ق)                                 | 179     |
| 10       | Analisis Ciri Fonetik                                                               | 180     |
| 11       | Analisis Komponen Makna                                                             | 181     |
| 12       | Perubahan Makna                                                                     | 195     |
| 13       | Kekeliruan Makna Entri                                                              | 200     |
| 14       | Peluasan Makna                                                                      | 202     |
| 15       | Entri Pupus                                                                         | 205     |
| 16       | Transliterasi Batu Bersurat                                                         | 209     |
| 17       | Entri KPB bermula <i>alif</i> (ا), <i>ba</i> (ب), <i>ta</i> (ت), dan <i>jim</i> (ج) | 214     |

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Etimologi adalah salah satu daripada cabang ilmu linguistik yang mempelajari asal-usul kata (Chaer, 2008). Perkataan etimologi berasal daripada bahasa Belanda, iaitu *etymologies*. Kata *e'tymos* pula berasal daripada bahasa Yunani yang merupakan akar kepada perkataan *etymologies*. Malah, etimologi juga diertikan sebagai memberi maksud atau makna perkataan. Bynon (1977) mengatakan etimologi berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud 'ilmu yang mencari kebenaran'. Bynon (1977) menambah etimologi merupakan penyusunan sejarah bentuk dan makna kata. S. Nathesan (2015) merumuskan etimologi sebagai cabang linguistik yang mengkaji rangkaian kata dalam bahasa, meliputi sejarah perkembangan makna dan sumber perkataan.

#### 1.2 Latar Belakang

Kajian ini fokus kepada aspek etimologi, iaitu asal usul kosa kata dalam Kitab Pengetahuan Bahasa (KPB, 1858). Kosa kata pula ialah keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa (KDE4, 2007). Kosa kata dari segi istilah ialah leksikon. Kajian etimologi ini mencakupi sejarah dan makna kosa kata dalam KPB (1858) karangan Raja Ali Haji (RAH). Etimologi dalam kajian ini berdasarkan entri KPB (1858). Kajian etimologi ini bertujuan menghuraikan sumber kata entri KPB (1858) berdasarkan pendekatan etimologi. Dengan mengetahui etimologi entri pembaca dapat menghubungkan entri dengan makna mengikut sempadan sosialnya. Entri yang dipilih untuk dikaji ialah entri KPB (1858) karya RAH. Bagi mencapai tujuan ini pengkaji menghubungkan etimologi dengan sumber kata, sistem ejaan Jawi dan kosa katanya.

Seterusnya pengkaji membandingkan makna entri KPB (1858) dengan makna entri KDE4 (2007). Kemahiran menginterpretasikan makna yang sukar difahami dapat membantu pembaca memahami entri KPB (1858). Sehubungan dengan tajuk kajian ini, iaitu Etimologi KPB (1858), pengkaji menganalisis etimologi, ciri fonetik dan fonologi serta makna entri KPB (1858) karya RAH untuk mencapai objektif kajian. Tumpuan kajian ini ialah sudut asal-usul entri, sistem ejaan Jawi entri KPB (1858) dan kaitan dengan etimologi berdasarkan ciri fonetik dan makna entri KPB (1858) serta kaitan dengan etimologi berdasarkan Analisis Komponen Makna (AKM). Sebelum Kitab KPB (1858) tulisan RAH ini dianalisis, wajar bagi pengkaji memaparkan perihal Kitab ini secara ringkas.

Kitab ini diberi nama Kitab Pengetahuan Bahasa: Kamus Loghat Melayu Johor, Pahang, Riau, Lingga. Kitab ini dihasilkan pada tahun 1858 di Riau dan pertama kali

melalui proses percetakan di Matba'ah al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan, Singapura daripada 1927 hingga 1929 (Wan Mohd, 2010). Kitab ini diterbitkan oleh Yayasan Karyawan sebagai Edisi Karya Agung Melayu (Hashim, 2010). Kitab bertulisan Jawi ini ditulis menggunakan bahasa Melayu klasik. Kitab yang dicetak semula dalam tulisan Jawi ini tersimpan dalam bentuk mikro filem di perpustakaan utama Universiti Malaya. Naskhah cetakan bertulisan Jawi ini telah dibuat fotokopi sebagai rujukan kajian ini (Lampiran 1). Pengkaji memilih manuskrip KPB (1858) bertulisan Jawi, cetakan Matba'ah al-Ahmadiyah (1927) sebagai rujukan utama. Selain itu, KPB (1858) yang dikaji dan diperkenalkan oleh Hashim (2010) menjadi rujukan sampingan.

Berdasarkan ciri KPB (1858) yang dinyatakan, pengkaji melihat terdapat beberapa keistimewaan yang perlu dibongkar untuk dikongsi bersama-sama pembaca. Pendekatan dari sudut etimologi, ciri fonetik dan AKM yang diuraikan dapat membantu pembaca memahami makna entri KPB (1858) seterusnya menghubungkan kait dengan etimologi.

### 1.3 Penyataan Masalah

KPB (1858) menjadi asas untuk menerangkan golongan kata, binaan ayat dan frasa hingga ke hari ini (Hashim, 2010). Edisi karya agung KPB (1858) ini bertulisan Jawi Melayu Klasik. Hal ini menyebabkan karya ini sukar difahami dan diinterpretasikan makna entrinya oleh pembaca. Bagi memelihara sejarah dan keunikan susur galur edisi karya agung ini, pengkaji terpenggil untuk membuat kajian khusus terhadap KPB (1858) agar generasi kini dapat memahami etimologi entri KPB (1858).

Penelitian terhadap KPB (1858/1927) mendapati hanya beberapa entri sahaja dinyatakan etimologi oleh RAH. Antara entri tersebut ialah entri *adab* (hlm. 82), *aurat* (hlm. 98), *alat* (hlm. 112), *amat* (hlm. 114), *ingkar* (hlm. 130), *ajal* (hlm. 168), *imam* (hlm. 175), *izin* (hlm. 179), *aman* dan *iman* (hlm. 183). Hal ini mengakibatkan pembaca tidak dapat memahami makna entri KPB (Asmah, 2013). Dengan mengetahui etimologi entri KPB (1858), pengguna bahasa dapat menjana idea tentang makna entri mengikut bahasa sumber. Oleh itu, kajian etimologi ini perlu agar memudahkan makna difahami (Hashim, 2002).

Kajian terdahulu mendapati aspek tatabahasa KPB (Suyati, 1979), kelas kata KPB (Adriyetti, 1983; Ting, 2009), dan susunan kata dalam ayat KPB (Hashim, 1994) mengandungi beberapa perbezaan dengan KDE4. Mereka telah menganalisis edisi karya agung ini dalam pelbagai aspek (Darwis, 1992). Namun begitu, usaha mereka boleh diperluas menerusi kajian ini dengan fokus kepada bidang etimologi entri dan penyesuaian sistem tulisan Jawi dengan fonetik. Hasil kajian dari aspek etimologi dapat mengesan asal usul entri dan seterusnya dapat membantu pembaca memahami makna entri dengan lebih mudah lagi (James, 2003).

Berdasarkan penelitian seterusnya terhadap KPB (1858) dan Daftar Kata Bahasa Melayu/DKBM (2016) ditemui perbezaan ejaan Jawi KPB (1858) dengan etimologi

berdasarkan ciri fonetik. Kajian terdahulu menyetengahkan kelas kata, aspek tatabahasa dan kamus yang mengandungi perbincangan tentang susunan kata entri, penerangan makna kata dan kepelbagaian cara mengeja kata (Indirawati, 2006; Roshidah, 2010; Suyati, 1979). Dalam hal ini pengkaji menganalisis pengejaan yang disentuh oleh Indirawati (2006), Roshidah (2010) dan Suyati (1979). Pengkaji memberikan peluasan kepada analisis kajian mereka khususnya dalam ciri fonetik dan pengejaan.

Kajian Darwis (1992), mendapati susunan perkataan dalam bahasa Melayu dipengaruhi oleh susunan ayat dalam bahasa Arab. Hal ini kerana beliau mendapati ciri fonetik ejaan bahasa Melayu mempunyai kaitan dengan ciri fonetik ejaan bahasa Arab dilihat dari sudut fonetik dan fonologi. Namun begitu, Darwis (1992), tidak menghubungkaitkan ciri fonetik tersebut dengan etimologi. Kekosongan ini diisi pengkaji dalam kajian ini secara menganalisis ciri fonetik entri KPB (1858) dengan ciri fonetik ejaan perkataan dalam DKBM. Seterusnya menghubungkaitkan ciri fonetik entri KPB (1858) dengan etimologi.

Foo (2009) mendapati terdapat perbezaan dan persamaan bunyi ejaan dilihat dari sudut ciri fonetik dalam bahasa Perancis dan ciri fonetik dalam bahasa Melayu. Beliau juga mendapati ciri fonetik dapat membantu menentukan sebutan yang betul. Kajian ini dilihat mempunyai persamaan dari segi ciri fonetik dengan kajian Foo (2009) kerana kajian ini melaksanakan ciri fonetik entri KPB (1858) berdasarkan ejaannya. Pengkaji membuat peluasan secara menghubungkaitkan ciri fonetik dengan bidang etimologi yang ditinggalkan oleh Foo (2009) dalam kajian beliau.

Sistem tulisan Jawi KPB (1858) ditulis mengikut sistem tulisan Arab (Hashim, 2008). Oleh itu, sistem tulisan KPB (1858) merupakan sistem tulisan Jawi yang dipengaruhi oleh sumber asli kata sesuatu bahasa tersebut seperti kata pinjaman bahasa Arab. Namun begitu, terdapat kata pinjaman tersebut telah sebatan dan sukar dikenal pasti sumber asalnya. Dengan menghubungkan sistem ejaan Jawi KPB (1858) dengan etimologi berdasarkan ciri fonetik, sumber asal kata dapat dikenal pasti. Contohnya, entri *urat* (KPB:98) dikenal pasti sebagai kata serapan Arab kerana diberikan ejaan asalnya yang menghampiri bunyi fonetik, iaitu عورة yang boleh ditranskripsikan sebagai [ʃaw.rat], di samping ejaan yang telah diubah suai dalam bahasa Melayu, iaitu اورة. Kehadiran bunyi [ʃ] membuktikan kata ini diserap daripada bahasa Arab.

Aishah (1991) dalam kajiannya mendapati, terdapat perubahan makna kata pinjaman asing yang diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian beliau menjurus kepada perubahan makna kata pinjaman sahaja. Peluasan makna, penyempitan makna dan kepupusan entri diabaikan dalam kajian beliau. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji memperluas kajian beliau secara menghuraikan perubahan makna entri KPB (1858) dengan makna entri yang sama dalam KDE4 melibatkan peluasan makna, penyempitan makna dan kepupusan entri. Seterusnya pengkaji menghubungkaitkan makna entri KPB (1858) dengan etimologi berdasarkan AKM. Hal ini penting dilaksanakan supaya pengguna bahasa dapat memahami dan menggunakan bahasa Melayu dengan betul dari sudut semantik. Selain itu, kajian ini juga memaparkan etimologi entri agar pembaca mendapat gambaran bahawa kata yang digunakan dalam interaksi seharian mereka adalah kata asli mereka sendiri, bukan kata yang diserap daripada bahasa lain.



Penjelasan etimologi entri dalam kamus membantu pembaca mengetahui sama ada entri tersebut kata pinjaman atau asli Melayu.

KPB (1858) merupakan manuskrip Melayu yang ditulis ketika peralihan zaman klasik ke zaman moden. Perkembangan Islam ketika itu telah mempercepat penyebaran dan penggunaan perbendaharaan kata Arab dalam bahasa Melayu. Maka, kosa kata yang digunakan oleh masyarakat Melayu ketika itu menyerap kosa kata bahasa Arab, terutamanya dalam bidang agama (Hashim, 2008). Entri KPB (1858) yang ditulis pada tahun 1927 dibandingkan dengan entri KDE4 yang disusun pada tahun 2007 menemukan perbezaan dari sudut semantik. Sebagai contoh, entri *cendakia* (KPB, 1927: 466) mempunyai makna yang kontra dengan entri *cendekia* (KDE4, 2007: 264). Hal ini menarik perhatian banyak pengkaji mengkaji pelbagai bidang termasuk bidang etimologi, maka pengkaji memberikan tumpuan terhadap perbandingan makna entri KPB (1858) yang sukar difahami.

Kajian Indirawati (2003) menjurus kepada makna dan sebutan kata yang berkongsi satu ciri fonetik. Kajian beliau berfokus kepada isu mengurangkan masalah sebutan kata dan mempunyai persamaan ciri fonetik. Kajian Indirawati (2003) mendapati bahawa kata mempunyai makna yang tersembunyi tanpa menghuraikan faktor etimologi, fonetik dan makna seperti bidang penyempitan dan peluasan makna yang akan dihuraikan dalam kajian ini.

Berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan di atas ternyata masih banyak ruang yang boleh diisi sebagai melengkap pelbagai isu secara berpadu terutamanya kajian yang dibuat oleh Adriyetti (1983) terhadap KPB (1858) dan pengkaji lain terhadap bidang etimologi, fonetik fonologi dan bidang makna. Walaupun banyak percubaan yang dibuat menjelaskan beberapa aspek namun menghuraikan sumber kata entri KPB (1858) berdasarkan pendekatan etimologi, menghubungkan sistem tulisan Jawi entri KPB (1858) dengan etimologi berdasarkan ciri fonetik dan menghubungkan makna entri KPB (1858) dengan etimologi berdasarkan AKM masih belum dilaksanakan. Hal itu dipenuhi pengkaji dalam kajian ini.


#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini didasari bidang etimologi, iaitu:

- i) Menghuraikan sumber kata entri KPB (1858) berdasarkan pendekatan etimologi.
- ii) Menghubungkan sistem tulisan Jawi entri KPB dengan etimologi berdasarkan ciri fonetik.
- iii) Menghubungkan makna entri KPB dengan etimologi berdasarkan Analisis Komponen Makna.

## 1.5 Kerangka Konsep

Kerangka kajian ini bertitik tolak daripada bidang analisis etimologi entri KPB (1858). Pendekatan etimologi menjadi pendekatan induk manakala pendekatan sumber kata, pendekatan sistem tulisan Jawi dengan etimologi berdasarkan ciri fonetik dan pendekatan AKM diadun bersama untuk mencapai objektif kajian ini. Kerangka konsep ini dibentuk berdasarkan pemahaman pengkaji daripada sorotan kajian lalu. Pembinaan kerangka konsep membantu pengkaji melicinkan perjalanan kajian. Pengkaji menganalisis hanya apa yang sepatutnya sahaja berdasarkan objektif kajian. Dengan kerangka konsep, pengkaji tidak terkeluar dari landasan kajian dan menjurus kepada matlamat kajian. Burn (1995) mengatakan kerangka konsep adalah satu sistem dan pendekatan yang mendukung kajian.



### Rajah 1.1: Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian ini dibentuk setelah melihat beberapa ruang yang boleh diisi dan diperluas terhadap kajian lalu berhubung isu etimologi. Bagi menjelaskan aspek etimologi KPB (1858), kerangka konsep ini dibentuk berdasarkan beberapa pendekatan etimologi, ciri fonetik dan AKM. Pendekatan etimologi dijadikan landasan kajian ini untuk mengenal pasti entri asli Melayu KPB. Fokus utama kajian ini ialah menghuraikan sumber kata entri KPB (1858) berdasarkan pendekatan etimologi melalui tiga peringkat, iaitu berdasarkan:

- a) konsonan bukan asli Arab,
- b) 5 Kamus dan
- c) empat Batu bersurat.

Konsonan bukan Asli Arab atau disebut konsonan tambahan Jawi Melayu ialah *ca* (چ), *ga* (گ), *pa* (پ), *nga* (ڠ), *kaf* (ك), dan *nya* (ن). Seterusnya kajian etimologi ini menghubungkan sistem ejaan Jawi entri KPB (1858) dengan etimologi berdasarkan ciri fonetik. Kajian etimologi ini turut menghubungkan makna entri KPB (1858) dengan etimologi berdasarkan AKM. Dengan itu, pengkaji dapat merumuskan etimologi entri KPB (1858) asli Melayu.



Ketiga-tiga pendekatan ini digunakan untuk menganalisis 1677 entri KPB (1858). Analisis melibatkan 220 entri KPB (1858) yang bermula dengan huruf *ca* (چ), dan *nya* (ن) serta baki 1457 entri KPB (1858) yang bermula dengan *alif* (ا), *ba* (ب), *ta* (ت), dan *jim* (ج) hinggalah dikenal pasti entri asli Melayu. Entri asli Melayu tersebut pula dihubungkan dengan etimologi berasaskan ciri fonetik dan AKM. Dapatan ketiga-tiga pendekatan ini mengetahui asal entri dan memahami makna entri KPB (1858).

## 1.6 Batasan Kajian

Bagi membolehkan kajian ini dibuat secara sistematik dan terperinci, analisis hanya terbatas kepada aspek etimologi entri KPB (1858) berdasarkan pendekatan etimologi, ciri fonetik dan pendekatan AKM terhadap semua 1677 entri KPB (1858). Bagi mencapai objektif 1, pengkaji menetapkan 220 entri KPB (1858) (kata dasar) yang bermula dengan huruf *ca* (چ), dan *nya* (ن) sahaja dianalisis. Entri tersebut (220) diperoleh daripada analisis *ca* (چ), *ga* (گ), *pa* (پ), *nga* (نڠ), *kaf* (ك), dan *nya* (ن) kerana huruf tersebut tidak terdapat dalam aksara Arab. Pengkaji tidak memasukkan huruf 'va' (ڤ) ke dalam konsonan Jawi Melayu walaupun huruf tersebut tidak terdapat dalam aksara Arab kerana 'va' (ڤ) hanya wujud dalam kata pinjaman Inggeris seperti *universiti*.

Pengkaji membataskan kajian ini dengan melihat asal usul kata entri KPB (1858) berpandukan Lima Kamus (5K) dan dikukuhkan oleh entri yang ditemui pada batu bersurat. Analisis dibatasi atas baki 1457 entri KPB (1858) menggunakan 5K. Seterusnya pengkaji membataskan kajian dengan menganalisis 946 entri KPB (1858) yang diperoleh daripada analisis 5K dengan menggunakan ciri fonetik AKM. Dalam menentukan asal-usul entri KPB (1858), pengkaji mencari, menilai dan menghuraikan sumber entri KPB (1858) yang berasal dari bahasa Melayu sahaja.

Analisis kajian ini terbatas kepada penggunaan 5K sahaja. Sejumlah 220 entri bukan konsonan asli Arab yang bermula *ca* (چ), dan *nya* (ن) dibuktikan dengan analisis Daftar Kata Bahasa Melayu (DKBM) dan merujuk kamus seperti Kamus Dewan Edisi Ke-4, (KDE4, 2007), Kamus *Loan-Words In Indonesian and Malay/ K LW*, (Russell Jones, 2008), Buku Katan Kamus Melayu/BKKM (Md. Said, 2002), *Malay-English Dictionary/MED*, (Winstedt, 1960) dan KPB (1858). Analisis memberikan peratusan kata asli Melayu, asli Sanskrit, asli Arab dan asli bahasa lain.

Seterusnya pengkaji membataskan analisis entri KPB (1858) yang mempunyai perbezaan tulisan Jawi DKBM, (2016) dengan menggunakan abjad fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet/ IPA*) melalui transkripsi dan ciri fonetik mengikut lambang fonetik DKBM (2016).

Analisis entri KPB (1858) yang sukar difahami dibatasi kepada entri yang mengalami peluasan makna, penyempitan makna dan yang tidak terdapat dalam KDE4. Di samping itu kajian ini juga melihat entri yang sama tetapi mempunyai makna yang berbeza dan entri yang berbeza tetapi mempunyai makna yang sama. Seterusnya

pengkaji memaparkan bentuk makna entri yang mengalami peluasan dan penyempitan turut dilaksanakan agar makna mudah difahami.

Dalam hal ini, pendekatan AKM (Nida, 1978) diaplikasikan sebagai pendekatan untuk menganalisis entri KPB (1858) dengan melihat kosa kata yang termasuk dalam domain yang sama. Pendekatan AKM (Nida, 1978) menghuraikan ciri komponen yang terdapat dalam entri boleh dilakukan kerana setiap kosa kata memiliki ciri yang tertentu (Palmer, 1981).

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian ini penting kepada pembaca sebagai ilmu baharu yang dapat memberi manfaat dan informasi tentang etimologi entri KPB (1858). Hal ini demikian kerana kajian ini dapat menghubungkaitkan sistem ejaan Jawi entri KPB (1858) dengan etimologi berdasarkan ciri fonetik agar pengguna bahasa dapat menyebut entri dengan betul dan tepat. Sebutan yang tepat dapat memberikan makna entri yang tepat.

Begitu juga dengan proses membuat penaksiran makna entri KPB (1858) yang sukar difahami. Proses penaksiran ini membantu pembaca memahami komponen makna entri. Kajian ini menambah koleksi kajian mengenai analisis etimologi entri. Walaupun sebelum ini telah ada kajian tentang KPB (1858) tetapi kajian ini mendalami aspek penting etimologi meliputi etimologi entri, ciri fonetik dan semantik entri. Kajian ini penting dijalankan kerana kurangnya analisis etimologi yang telah dibuat terhadap edisi karya agung ini.

Kajian ini juga penting kerana hasilnya dapat memberi nilai tambah kepada pelbagai pihak seperti pengguna bahasa, pengkaji bahasa, dan pencinta bahasa dalam mengetahui etimologi KPB (1858), pengejaan tulisan Jawi, ciri fonetik dan makna entri. Dengan mengetahui asal usul entri, pembaca dapat mengetahui makna entri dengan lebih jelas lagi. Pembaca memahami maksud frasa seterusnya menguasai makna ayat dalam teks secara menyeluruh apabila mengetahui makna entri.

Selain itu, pembaca dapat menulis Jawi menggunakan DKBM dengan bantuan ciri fonetik dan dapat memahami makna entri dengan melihat peluasan dan penyempitan makna. Seterusnya memudahkan pembaca mahupun pengkaji bahasa membaca dan memahami mana-mana manuskrip Melayu yang lain. Kajian ini dapat menentukan etimologi entri termasuklah kata pinjaman yang telah terserap masuk dalam bahasa Melayu.

Seterusnya pengkaji dapat menjelaskan simbol fonetik yang tepat terhadap entri yang berbeza dalam sistem ejaan Jawi KPB (1858) dan DKBM. Kajian ini juga menambah koleksi kajian etimologi dalam edisi karya agung seperti KPB (1858). Kajian ini penting dijalankan kerana belum banyak analisis etimologi dibuat kepada entri edisi karya agung seperti KPB (1858). Hasil kajian dapat melihat bentuk kosa kata yang

digunakan oleh pengguna bahasa dalam abad ke-18, di samping meneroka makna entri melalui bidang etimologi. Kajian ini juga memberi kesedaran kepada pembaca terhadap kosa kata yang jarang-jarang digunakan dan yang telah tidak digunakan lagi. Kajian ini bermanfaat kepada pengkaji bidang etimologi untuk meneroka asal usul dan perkembangan sesuatu kata.

Selain itu, hasil kajian ini penting kepada sarjana bahasa, pensyarah IPT awam dan swasta, para guru, pencinta bahasa, dan pejuang bahasa dalam mengenal pasti sumber asli kata. Begitu juga kajian ini bermanfaat kepada pelajar yang mempelajari sistem tulisan Jawi, yang meneroka bidang fonetik dan fonologi serta menghuraikan persoalan makna entri. KPB (1858) dilihat sebagai karya penting yang perlu kepada kajian agar keunikannya terpelihara dan dimanfaatkan oleh generasi hari ini. Hal ini demikian kerana KPB (1858) kaya dengan maklumat tentang aspek tatabahasa, ilmu agama dan ilmu adab (Hashim, 2010). Seterusnya didapati KPB (1858) merupakan naskhah terawal yang disusun secara sistematik dan berstruktur mementingkan unsur-unsur bahasa seperti morfologi dan sintaksis.

Selain itu, KPB (1858) diiktiraf sebagai kamus ekabahasa yang tertua di alam Melayu oleh para sarjana termasuk sarjana barat (Ibrahim, 2005). Di samping itu, KPB (1858) juga dikenali sebagai ensiklopedia yang mengandungi pengetahuan umum, pendapat serta pandangan pengarangnya RAH (Teuku Iskandar, 1964).

Hal ini menimbulkan rasa kagum terhadap bahan penulisan anak Melayu pada zaman itu kerana mampu menghasilkan sebuah karya yang hampir sempurna sehingga diiktiraf sebagai ensiklopedia. Lebih menakjubkan, KPB (1858) dikenal pasti sebagai warisan peninggalan Melayu yang tinggi nilai ilmunya, kaya unsur estetika, bermanfaat kepada umum, sesuai dijadikan rujukan untuk meningkatkan daya intelek pembaca daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan peringkat usia.

## **1.8 Definisi Operasional**

Beberapa definisi operasional berhubung kosa kata yang digunakan dalam kajian ini diberi perhatian teliti agar mudah difahami. Hal ini bertujuan mengelakkan kekeliruan tentang perbezaan definisi kajian lain. Kosa kata yang diberi definisi ialah etimologi, entri KPB (1858), sistem ejaan Jawi, ciri fonetik dan fonologi.

### **1.8.1 Etimologi**

Etimologi menyentuh aspek asal usul kata. Dalam konteks kajian ini, etimologi merupakan kajian kosa kata KPB (1858) yang melihat entri KPB (1858) dari pelbagai aspek seperti aspek asal usul entri, perihal fonetik dan fonologi, dan semantik yang merangkumi hal-hal seperti makna, sejarah entri, hubungan antara satu perkataan dengan perkataan lain dalam unit-unit fungsional. Hubungan itu merangkumi frasa idiomatik yang melibatkan simpulan bahasa, perkongsiannya dengan perkataan lain

dalam hubungan semantik seperti sinonim, antonim, polisemi dan sebagainya. Pendekatan etimologi yang digunakan pengkaji dalam kajian ini merujuk bidang etimologi sebagai asal usul entri. Kajian ini mengenal pasti sama ada entri KPB (1858) berasal dari kata bahasa Melayu asli atau diserap dari bahasa lain dan diterima sebagai kata serapan.

### **1.8.2 Entri KPB**

Entri KPB (1858) dalam kajian ini merujuk kepada kata dasar yang dimuatkan dalam KPB (1858). Kata dasar KPB (1858) bermaksud entri yang bukan merupakan kata terbitan atau bukan kata yang telah menerima imbuhan. Kesemua kata dasar dikenal pasti sumbernya melalui pendekatan tertentu.

### **1.8.3 Sistem Ejaan Jawi**

Sistem Ejaan Jawi yang digunakan oleh pengkaji meliputi sistem tulisan Jawi KPB (1858) yang menerima pengaruh Arab dan sistem tulisan Jawi dalam buku Daftar Kata Bahasa Melayu/DKBM (2016). Hal ini bertujuan menelusuri asal-usul entri. Terdapat 37 huruf dalam konsonan tulisan Jawi Melayu apabila ‘ج’ dimasukkan mewakili konsonan ‘v’ dengan bunyi /v/ manakala tulisan Arab pula terdiri dari 29 huruf sahaja (DKBM, 2016).

### **1.8.4 Ciri Fonetik**

Fonetik merupakan cabang ilmu yang mengkaji penghasilan bunyi bahasa. Dalam kajian ini, entri yang mempunyai perbezaan ejaan Jawi KPB (1858) dengan sistem tulisan dalam buku Daftar Kata Bahasa Melayu (DKBM, 2016) ciri fonetik digunakan untuk menentukan lambang fonetik untuk menentukan makna entri yang betul. Hal ini penting untuk memberi justifikasi makna entri yang tepat agar AKM seterusnya berasaskan landasan yang betul.

### **1.8.5 Fonologi**

Ciri fonetik melalui penggunaan huruf Jawi bersama baris dan tanda diakritik terhadap entri KPB (1858) adalah berdasarkan sistem bunyi bahasa Melayu yang turut melibatkan aspek fonologi. Fonologi ialah cabang linguistik yang mengkaji bunyi bahasa. Bunyi bahasa itu mempunyai makna yang dikeluarkan oleh organ pertuturan. Fokus fonologi dalam kajian ini ialah bunyi bahasa yang dihasilkan oleh tulisan Jawi entri KPB (1858) dan DKBM, (2016). Misalnya, walaupun perkataan ‘ajak’ dieja dengan اجق, namun ciri fonetik yang diberikan ialah اجأ [a.dʒaʔ] yang bertepatan dengan fonologi Melayu yang tidak membenarkan konsonan letupan langit lembut tak bersuara /k/ (ك) dan letupan anak tekak tak bersuara /q/ (ق) berada di akhir suku kata.

## 1.9 Kesimpulan

Kajian Etimologi ini dapat menjelaskan aspek entri dalam KPB (1858) dari pelbagai sudut meliputi bidang etimologi entri, fonetik, fonologi dan makna entri. Dalam hal ini pengkaji dapat menghubungkan entri yang terdapat dalam KPB (1858) dengan etimologi sama ada merupakan kata asli Melayu, kata serapan daripada bahasa Sanskrit, kata serapan daripada bahasa Arab, dan kata serapan daripada bahasa lain.

Kajian ini turut menghubungkan sistem ejaan Jawi KPB (1858) dengan etimologi berdasarkan ciri fonetik. Seterusnya, mengenal pasti ciri fonetik bahasa Melayu melalui entri KPB (1858) dan melihat makna. Pengkaji turut mengkaji fonologi entri KPB (1858). Selain itu, pengkaji juga menganalisis makna entri KPB (1858) yang sukar difahami dengan makna KDE4 agar jelas difahami maknanya.

Pengkaji turut menganalisis entri KPB (1858) yang telah pupus. Hal ini bermakna entri tersebut ada dalam KPB (1858) tetapi tidak ditemui dalam KDE4. Beberapa justifikasi dan interpretasi diberikan berikutan kepupusan entri KPB (1858) tersebut berasaskan Pendekatan AKM. Kajian ini memfokuskan pendekatan etimologi, ciri fonetik dan AKM sebagai dasar untuk menganalisis etimologi entri.

## BIBLIOGRAFI

- Abd. Hamid Mahmood (1988). *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. Selangor: Universiti Putera Malaysia.
- Abdul Chaer (2007). *Kajian Bahasa: Struktur Internal, Pemakaian dan Pemelajaran*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Abdul Chaer (2008). *Morfologi Bahasa Indonesia (Pendekatan dan Proses)*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdul Chaer (2003). *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdullah Hassan (2007). *Linguistik Am. Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan (2005). *Linguistik Am*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hussain (1987). *Kamus Dewan*, Makalah Dewan Bahasa 14:8, 339-347.
- Abdul Rashid Daing Melebek dan Amat Juhari Moain (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rashid Daing Melebek (2010). *Sejarah Penyelidikan Barat Tentang Bahasa dan Bangsa Melayu*. Shah Alam: Maya Press Sdn. Bhd.
- Abu Hassan Sham (2015). *Pemikiran Raja Ali Haji Melalui Karya-Karya Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran dan Nurhidayah (2010). *Sistem Ejaan Jawi Dalam Manuskrip Risalah Hukum Kanun Melaka*.
- Adi Yasran Abdul Aziz, Wan Muhammad Wan Sulung, Norhafiza Alias (2015). *Budaya Pemikiran Sainifik dan Dinamik dalam Evolusi Tulisan Jawi*. Jurnal Hakikat Bahasa: UPM.
- Adi Yasran Abdul Aziz, Wan Muhammad Wan Sulong dan Mohd. Subki Othman (2006). *Analisis Sistem Tulisan Arab/Jawi Terawal yang Dijumpai Di Asia Tenggara dalam Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu Ke-2, 2006: Serdang, Selangor*.
- Adriyetti Amir (1983). *Kitab Pengetahuan Bahasa Karangan Raja Ali Haji*. Sebuah Kajian Leksikografi. Tesis Sarjana Sastra Universitas Indonesia.



- Ahmad Mahmood Musanif (2005). *Modul Pembelajaran: Semantik*. Kuala Lumpur: Pusat Pendidikan Luar UPM Pro-office Shoppe Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahmood Musanif (1988). Penambahan Kata Kerja Bahasa Melayu Hari Ini dan Bahasa Melayu dalam Hikayat Abdullah: Satu Kajian Perbandingan Makna. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ainon Muhammad (1979). "Semantik: Satu Pengenalan Ringkas" *Jurnal Dewan Bahasa* 23/5, 36-51.
- Aishah Mahdi (1991). Kata Pinjaman Tulen Bahasa Inggeris Dalam Bahasa Malaysia: Satu Kajian Semantik. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ajid Che Kob (1985). *Dialek Goegrifi Pasir Mas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amat Juhari Moain (1996). *Perkembangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminuddin (1985). *Semantik: Pengantar Studi Tentang Makna*. Malang: Penerbit C. V. Sinar Baru Bandung.
- Arbak Othman dan Ahmad Mahmood Musanif (2000). *Pengantar Linguistik Am*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana.
- Arbak Othman (1983). *Permulaan Ilmu Linguistik*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd.
- Arba'iyah Mohd. Noor (2015). *Pemikiran Sejarah Raja Ali Haji Menerusi Tuhfat al Nafis – Karya Ulung Kesultanan Johor-Riau-Lingga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (2013). *Bahasa Minangkabau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (2009). *Inskripsi Melayu Srivijaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (2005). "Perkamusan Melayu: Dari Jejak Pengembara ke Pembangunan Negara". Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Leksikologi dan Leksikografi Melayu, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 6 – 7 Jun.

- Asmah Hj. Omar et al. (1996). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (1991). *Bahasa Melayu Abad Ke16*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (1990) "An Analysis of The Concepts of Conflict Resolution in Malay". Kertas kerja yang dibentangkan dalam European Colloquiums on Indonesian and Malay Studies 8, Kungälv, Sweden.
- Asmah Hj. Omar (1985) *Perkamusan Melayu: Satu Penilaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka. KL, Malaysia.
- Asmah Hj. Omar (1975) *Essays on Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaki Hj. Abdul Latiff & Fairuzah Basri (2015). *Aspek Kesufian Dalam Karya Raja Ali Haji (1808-1873 M)* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atikah Abd. Azam dan Othman Yatim (2012). Manuskrip Lama: Asas Keupayaan dan Kearifan Melayu Tradisi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 30 (1).
- Atkins S., Fillmore C.J. & Johnson C.R. (2003). Lexicographic Relevance: Selecting Information from Corpus Evidence dalam *International Journal of Lexicography* 16/3, 251-280, September.
- Ayto JR. (1983). *On Specifying Meaning: Semantic Analysis and Dictionary Definition* dalam Hartmann *Lexicography: Principles and Practice*. London: Academic Press 89-98.
- Amdun Husain (1994). Kerelevanan Fonologi dalam Leksikografi. Kertas Kerja dalam Seminar Kamus Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 20-21 Disember 1994.
- Ayu Nor Azilah Mohamad (2015). *Peranan Raja Ali Haji Dalam Pertembungan Agama dan Politik Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bauer L. (1983). *English Word Formation*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Bloomfield (1992). *Language*. New York: Holt, Rinehart & Winston.



- Brennan (1992). Peminjaman Leksikal Bahasa Melayu, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, 552-565, Jun.
- Burn R. (1995). *Introduction to Research Methods*. Melbourne: Longman.
- Bynon (1977). *Historical Linguistics*. United Kingdom : Cambridge University Press.
- Cheun Heng Huat (2009). Kajian Terhadap Penghasilan Kamus Dwibahasa Untuk Penutur Bukan Natif Bahasa Mandarin, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Chong Mun Wah (1997). *Kamus Etimologi Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti.
- Collins, James T. (2003). *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1987). Etimologi dan Perancangan Bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa* 31, 327-345.
- David (1985). *A Dictionary of Linguistic and Phonetics*. Oxford OX4 1JF, UK: Basil Blackwell Ltd.
- Darso Arief Bakuama (2008). Raja Ali Haji, Raja Sastra Melayu Artikel *Majalah Amanah*.
- Darwis Harahap (1992). Bustanul Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa: Satu Tinjauan dlm. *Journal Dewan Bahasa* 36/3, 252-261 Mac.
- Doreen Foo Hui Shin (2009). Makna Sinonim Kamus Bahasa Melayu. Tesis PhD Universiti Malaya.
- Fauziah (2006). Perubahan Makna Leksikal Kata Kerja Bahasa Indonesia Dari Bahasa Arab. Tesis Sarjana Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia.
- Foo Hui Chin (2009). Sistem Bunyi Dalam Bahasa Perancis dan Bahasa Melayu . Tesis PhD Universiti Malaya.
- G. Coedes (2009). *Inskripsi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gang Geong Seok (1993). *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Goh Suat Bee (2007) Analisis Kontrasif Sistem Fonatik Bahasa Mandarin dan Bahasa Melayu. Tesis Sarjana Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Gordon, Terrence (1982). *A History of Semantics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Haji Md. Said Hj. Suleiman (2002). *Buku Katan Kamus Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hans Henrick (1986). *Principles of Historical Linguistics*. Amsterdam: Mouton de Gruyter.
- Harimurti Kridalaksana (1987). Bustanul-Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa – Sumbangan Raja Ali Haji dalam Ilmu Bahasa Melayu. dlm. Tradisi Johor-Riau: Kertas Kerja Hari Sastera. 10 – 12 Disember, 1983.
- Hashim Musa (2010). *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Karyawan Kuala Lumpur.
- Hashim Musa (2008). Dua Buah Karya Raja Ali Haji Tentang Bahasa Melayu: Meletakkan Bahasa Melayu sebagai Tradisi Pengajian Bahasa Islam (Artikel).
- Hashim Musa (2006). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa (2002) Raja Ali Haji of Riau as The Pioneer in Establishing Islamic Scholarly Tradition of Language Studies in the Malay World Based on His Bustan al-Katibin & Kitab Pengetahuan Bahasa. *Jurnal Filologi Melayu* 10. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Hashim Musa dan Ong Chin Guan (1998). *Pengantar Ilmu Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa (1994). *Falsafah Bahasa Melayu: Beberapa Aspek Kajian*. Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya.
- Heah (1989). *The Influence of English on Lexical Expansion of Malaysia*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henderson (1951). *The Phonology of Loanwords In Some Southeast Asia Languages, In Transactions of The Philological Society 1951*. Oxford: Basil Blackwell.
- Hasmadi (2011). Fonem Arab dalam Bahasa Melayu. Tesis PhD Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Hockett (1958). *A Course In Modern Linguistics*. New York: The Macmillan Company.
- Hooykaas (1951). *Perintis Sastera*, terjemahan Raihoel Amar Datok Besar. Groningen-Jakarta.
- Ibrahim Ahmad (2011). *Kesenjangan Leksikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad (2005). *Perkamusan Melayu: Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ibrahim Ahmad (2001). Penggunaan Kamus dan Strategi Penyusunan, dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 47 – 50, Mac.
- Ibrahim Ahmad (1994). *Perkamusan Melayu: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad (1991). Etimologi dan Perkamusan dlm. *Pelita Bahasa*, November.
- Ismail Dahaman, Manshoor Haji Ahmad (2004). *Daftar Kata Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Indirawati @ Indrawati Bt. Zahid (2003). Kajian Intonasi FonetikEksperimental: Realisasi Makna Emosi Filem Sembilu 1 dan 2. Tesis PhD. Akademi Pengajian Melayu: Kuala Lumpur.
- Indirawati Haji Zahid & Mardian Shah Omar (2006). *Fonetik Dan Fonologi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional & Distributors Sdn. Bhd.
- Intan Safinas Zainudin, Norhashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah (2014). Analisis *Frame Semantics* untuk Makna dan Padanan Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris: Entri Kata Kerja “Mengambil”. *Jurnal Kemanusiaan Asia*, Vol. 21 No. 2 USM.
- Josh Treir (1931). *Teori Medan Makna (Semantic Field Theory)*.
- Junus Hassan (2004). *Sejarah Perjuangan Raja Ali Haji*, Indonesia: Uni Press, Riau.
- Junus Hassan (2002). *Raja Ali Haji: Budayawan Di Gerbang Abad XX*, Indonesia: Uni Press, Riau.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia* (2011). Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

- Kamus Dewan Edisi Ke 4* (2007). Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik* (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kang (1991). *Perkembangan Tulisan Jawi Manuskrip Sejarah Melayu*. Tesis PhD Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Karttunen & Fodor (1963). *The Structure of Semantic Theory*. *Language* 39:170-210.
- Khalif Muamar A. Haris (2015). *Sistem Kehakiman Islam Dalam Karya Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- khazanahfathaniyah.blogspot.com/2010/04/kitab\_pengetahuan\_bahasa\_karya\_raja\_alih.html. *Kitab Al Nikah dan Lain-Lain Syair Agama Raja Ali Haji*.
- Kempson, Ruth (1992). *Teori Semantik* terjemahan Zaiton Abd. Rahman, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, Ruth (1989). *Semantic Theory*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Kempson, (1977). *Semantic Theory*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Ladefoged, P. (2006). *A Course In Phonetics, 3rd ed*. Orlando: Harcourt Brace & Company.
- Ladislav Z. (Ed) (1980). *Theory and Method in Lexicography: Western and Non Western Perspective*. Columbia, South Carolina: Hornbeam Press.
- Ladislav Z. (1971). *Manual of Lexicography*. Mouton: The Hague.
- Lapidus I. M. (1991). *A History of Islamic Societies*. Cetak ulang. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Leech (1981). *Semantics (2<sup>nd</sup> Edition)* Harmondsworth: Penguin Books Ltd.
- Lehrer, Adrienne (1974). *Semantic Field and Lexical Structure*. Amsterdam: North-Holland Press.
- Levinson, Stephen (1983). *Pragmatics*, United Kingdom: Cambridge University Press.
- Lyons (1994). *Bahasa Makna dan Konteks*. Terjemahan Zahrah Abdul Ghafar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mansoer Pateda (2001). *Semantik Leksikal*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Matheson V. (1991). *Tahfat Al-Nafis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Husnan Lubis (2004). Kesan Sistem Transliterasi Jawi-Rumi Terhadap Pengadaptasian Bahasa Arab ke dalam Bahasa Indonesia/Melayu dalam *Jurnal Pengajian Melayu* 14, 2004.
- Mohamed Pitchay Ghani (2007). *Evolusi Bahasa Melayu 2000 Tahun Dari Zaman Purba*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Alwee Yusof (1993/94). *Perkataan Arab Dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Morfologi dan Semantik*.
- Mohd. Taib Osman (1976). "Raja Ali Haji Dari Riau: Apakah Beliau Seorang Tokoh Transisi atau Pujangga Klasik yang Akhir Sekali" dlm. *Dewan Bahasa* 20/2 ,67 – 89, Februari.
- Nathesan (2001). *Makna Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nida, Eugene A. (1978). *A Componential Analysis of Mining: An Introduction to Semantic Structures*. The Hague: Mouton.
- Nik Safiah Abd. Karim (1996). *Peminjaman dalam Bahasa Dalam Dewan Bahasa* 10/2, Februari. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azizah Abu Bakar (2000). *Metabahasa dan pengungkapan definisi Kamus Melayu* dlm *Jurnal Dewan Bahasa* 44/8. PP863-875.
- Norfazila Ab. Hamid, Rihaini Amin & Zurina Abdullah (2015). *Bahasa Melayu Sebagai Wadah Dakwah dan Tarbiyah Dari Kaca Mata Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaludin (2008). *Leksikologi dan Leksikografi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paitoon Masmitra Chaiyanara (1990). *Kata-Kata Sanskrit Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Satu Kajian Perbandingan Dari Segi Fonologi*. Tesis PhD Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Paitoon M Chaiyanara (2006). *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Palmer (1989). *Semantics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer (1981). *Semantics*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Pott (1833-1886). *Etymologische Forschungen Auf Dem Gebiete Der Indo-Germanischen Sprachen*. Lemgoh: Meyersche Hofbuchhandlung.
- Raja Haji Ali (1858). *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Singapura: Al-Ahmadiyah Press.
- Raja Massitah Raja Arifin (1990). Catatan Dokumentari, *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka* 24/1.
- Raja Massitah Raja Arifin (1990). Raja Ali Haji (1809 – 1870) dlm. *Journal Dewan Bahasa* 34/1, 73–79, Jan.
- Raminah Hj. Sabran dan Rahim Sham (1985). *Kajian Bahasa Untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Roksana Bibi Abdullah (1993). Kajian Leksis dalam Teori Medan Makna: Satu Analisis Komponensial. Tesis Sarjana Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Roshidah Hassan (2010). Sistem Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu dan Bahasa Prancis: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rosmaliza Majid (2012). *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. Fakulti Pendidikan dan Bahasa. Kelantan Learning Centre. Open University Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Russell Jones (2008). *Loan-Words In Indonesian and Malay*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Salmah Jabbar (1999). Kelingkaran Kata dalam Kamus: Satu Analisis Semantik dan Praktatik. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Salinah Jaafar (1995). Proses Pembentukan Kata dalam Leksikografi Melayu: Tumpuan Kepada Kamus Dewan. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Silvy Dwi Rahmawati (2013). Istilah Jajanan Tradisional di Kabupaten Banyuwangi (Suatu Kajian Etimologi dan Semantik).  
<http://repository.unej.ac.id/handle/123456789/8527>



- Siti Baroroh (1985). *Transliterasi Edisi Standard*. Tesis PhD Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Hajar, Hj. Abdul Aziz (1996). *Tatabahasa Bahasa Melayu (perkataan)*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- S. Nathesan (2015). *Etimologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stamenov (1998). *Perkembangan Semasa Teori Semantik*. Terjemahan Rusli Abd. Ghani, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suyati Suwarso (1979). *Kitab Pengetahuan Bahasa Oleh Raja Ali Haji*. Disertasi Sarjana Fakulti Sastera, Universitas Indonesia.
- Syahirah Almuddin (2012). *Analisis Morfo-Fonologi Perkataan Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Arab*. Disertasi Sarjana Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sydney Landau (1994). *Dictionaries: Arts and Craft in Lexicography*. New York: Scribner Press.
- Tan Joo Seng (1991). *Ciri-Ciri Penyesuaian Fonologi Istilah Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Melayu*. Tesis Sarjana Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Teuku Iskandar (1964). *Raja Ali Haji: Tokoh Dari Pusat Kebudayaan Johor Riau dlm. Journal Dewan Bahasa 8/12, 533-540, Disember*.
- Teeuw (1964). *Tentang Kamus dan Perkamusan Melayu, Makalah Dewan Bahasa. 388-397 Sept*.
- Taitoon M. Chaiyanara (2006). *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tatiana A Denisova (2015). *Ketatanegaraan Melayu Kurun Ke-19 Menerusi pandangan Raja Ali Haji: Kajian Berasaskan Karya Sejarah Tuhfat al Nafis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ting Hua Lui (2009). *Sumbangan Raja Ali Haji Terhadap Ilmu Tatabahasa Bahasa Melayu*. Universiti Malaya.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (1996). *Pengetahuan Bahasa Gambaran Etika Kemasyarakatan*. Ensiklopedia Nusantara – Berita Harian.

Wells, J.C. (2014). *Sounds Interesting : Observations on English and General Phonetics*. Cambridge: Cambridge University Press.

Whiteley W. (1962). Loanwords In Linguistics Description: A Case Study From Tanzania, East Afrika. *Approaches In Linguistics Methodology*, (eds) I Rauch and C.T. Scoot. Maddison: University of Wisconsin Press.

Winstedt R.O. (1960). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Yule, George (1996). *The Study of Language*. United Kingdom: Cambridge University Press.

Yunus Masri (2001). *The Malay Sound System*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Zaharom Ridzuan (2006). Qira'at Al-Quran. Tesis Sarjana Universiti Malaya, Kuala Lumpur.